

FAQ PELAKSANAAN PPT BERIKUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

A: PERMOHONAN DAN PENDAFTARAN

1. Bolehkah saya membuat permohonan SKM melalui kaedah PPT secara online sepanjang tempoh PKP ini?

JAWAPAN: Semua permohonan secara online adalah dibenarkan dan akan diproses seperti biasa. Namun begitu, proses pendaftaran dan bayaran akan diproses selepas tamat tempoh PKP.

2. Bolehkah saya membuat pembayaran terus setelah permohonan saya disokong sepanjang tempoh perintah kawalan pergerakan ini?

JAWAPAN: Semua pembayaran permohonan berserta slip permohonan boleh dikemukakan kepada pihak JPK selepas tamat tempoh PKP bagi mengelakkan kegagalan penerimaan dokumen berkenaan. Bayaran akan diproses setelah tamat tempoh PKP yang sedang berkuat kuasa.

B: KAUNSELING DAN PENILAIAN (PORTFOLIO & LPKT)

3. Bolehkah saya dan PP-PPT mengaturkan perjumpaan bagi sesi kaunseling dan penilaian dalam tempoh PKP ini?

JAWAPAN: Sebarang perjumpaan adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP ini bagi mengelakkan sebarang risiko jangkitan atau penyebaran virus Covid 19. Sesi perjumpaan boleh diatur semula setelah tamat tempoh PKP ini.

4. Sekiranya tempoh kaunseling dan penilaian tidak dapat dijalankan dan tempoh penilaian tamat, adakah permohonan PPT saya juga akan ditamatkan?

JAWAPAN: Bagi penilaian yang telah tamat dalam tempoh PKP, permohonan calon tidak akan ditamatkan. Bagi penilaian yang tidak sempat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan, boleh diaturkan semula mengikut kesesuaian masa antara calon dan PP-PPT setelah tamat tempoh PKP.

C: VERIFIKASI (PORTFOLIO, PENILAIAN AMALI & LPKT)

5. Bolehkah sesi verifikasi diteruskan kerana terlibat bilangan calon yang sedikit dalam tempoh PKP ini?

JAWAPAN: Sebarang verifikasi adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh PKP ini bagi mengelakkan sebarang risiko jangkitan atau penyebaran virus Covid 19. Bagi sesi verifikasi yang telah dijadualkan awal akan diatur semula ke tarikh baharu yang lain selepas tamat tempoh PKP.

D: PERSIJILAN

6. Sekiranya saya telah selesai diverifikasi dan layak dipersijilkan melalui sesi verifikasi yang dilaksanakan sebelum arahan PKP dikuatkuasakan, adakah saya dapat memperoleh sijil saya dalam masa terdekat atau dalam tempoh PKP ini?

JAWAPAN: Semua proses persijilan dalam tempoh PKP akan ditangguhkan buat sementara waktu berikutan perkhidmatan berkaitan kemahiran bukan salah satu perkhidmatan 'essential' yang diwartakan oleh kerajaan. Namun begitu, persijilan akan diproses selepas tamat tempoh PKP.

7. Adakah saya boleh membuat permohonan sijil gantian atau sijil hilang sepanjang tempoh PKP ini?

JAWAPAN: Semua permohonan sijil gantian/ sijil hilang boleh dikemukakan seperti biasa dan akan diproses setelah tamat tempoh PKP. Dokumen bagi permohonan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Jabatan Pembangunan Kemahiran
Tingkat 7 - 8, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya
(U/P: Cawangan PPT-MOSQ: Persijilan)**

E: PUSAT BERTAULIAH PPT (PB-PPT)

8. Bolehkah permohonan sebagai PB-PPT dilakukan secara online sepanjang tempoh PKP dan bilakah keputusan kelulusan sebagai PB-PPT tersebut diketahui?

JAWAPAN: Semua permohonan boleh dibuat seperti biasa dan semakan akan dijalankan selepas tempoh PKP yang berkuatkuasa. Semua keputusan kelulusan sebagai PB-PPT adalah bergantung kepada mesyuarat Jawatankuasa Teknikal selepas tempoh PKP ini.

F: PERMOHONAN PENGIKTIRAFAN KHAS

9. Adakah saya boleh membuat permohonan SKM melalui kaedah PPT secara Pengiktirafan Khas (bagi kategori panel pembangunan NOSS/ pertandingan Kemahiran) sepanjang tempoh PKP ini?

JAWAPAN: Semua permohonan boleh dikemukakan seperti biasa dan akan diproses setelah tamat tempoh PKP. Dokumen bagi permohonan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Jabatan Pembangunan Kemahiran
Tingkat 7 - 8, Blok D4, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 Putrajaya
(U/P: Cawangan PPT-MOSQ: Pengiktirafan khas)**